

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis
DARIPADA : Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
SOALAN : Tuan Sim Tze Tzin minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan nama syarikat-syarikat yang membekalkan sistem pengesan bot (*black box*) kepada nelayan bot pukut tunda. Berapakah unit black box yang akan dibekalkan dan jumlah nilai kontrak tersebut bagi setiap syarikat.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pencerobohan kawasan adalah aktiviti yang merugikan sumber perikanan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan aktiviti pemantauan dan pengawasan di laut yang bermatlamat melindungi sumber perikanan agar sentiasa mapan bagi menjamin bekalan makanan kepada negara.

Jabatan Perikanan Malaysia telah memperkenalkan alat *Automatic Identification System* (AIS) sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan pencerobohan. Sistem AIS dapat membantu

mempertingkatkan keupayaan pemantauan vesel oleh Jabatan Perikanan Malaysia dalam menangani isu pencerobohan vesel pukat tunda Zon B dan Zon C di kawasan perairan pantai dengan lebih efektif dan sekaligus dapat mengurangkan konflik di antara nelayan komersial dan nelayan tradisional. Selain itu, sistem AIS turut membantu nelayan mengetahui sama ada vesel mereka telah menangkap ikan di kawasan zon yang tidak dibenarkan melalui sistem penggera '*alert system*' sebaik sahaja vesel memasuki zon yang lebih dekat dari pantai.

Alatan AIS akan dipasang di 5,493 buah vesel pukat tunda Zon B dan Zon C. Kos alatan AIS seunit adalah bernilai RM4,300. Sehingga kini, sejumlah 160 buah vesel telah dipasang dengan alatan AIS sebagai percubaan. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menggunakan sistem AIS bagi membantu dalam mengambil tindakan ke atas pengusaha-pengusaha vesel pukat tunda Zon B dan Zon C yang melanggar syarat pelesenan dan Akta Perikanan 1985.

Bagi tujuan perolehan dan pemasangan alatan tersebut, syarikat yang disenaraikan sebagai vendor perlu menjalani proses Ujian Pembuktian Konsep (POC) selama tiga (3) bulan dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Selain itu, Jabatan Perikanan Malaysia juga telah memperkenalkan *Vessel Monitoring System* (VMS) bagi mengesan pergerakan vesel menangkap ikan. Ia dipasang di vesel-vesel menangkap ikan melebihi 70GRT yang beroperasi di Zon C, C2 dan C3. Kos bagi setiap unit alatan VMS adalah bernilai RM6,800. Sehingga kini, sejumlah 1,193 vesel telah dipasang VMS di seluruh Malaysia.